

# Tikar Bemban

Anna Durin



Arkib  
PL  
5065  
A613  
2014



P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000266288

<b>PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK</b>		
<b>BIL</b>	<b>TARIKH PEMULANGAN</b>	<b>PATRON ID</b>
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		

**PEMULANGAN LEWAT DIKENAKAN DENDA**

# **Tikar Bemban**

**Anna Durin**

**Universiti Malaysia Sarawak  
Kota Samarahan**

612205618

© Anna Durin 2014

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Malaysia Sarawak  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh

Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kementerian Dalam Negeri  
Jalan Tun Abang Haji Openg  
93554 Kuching, Sarawak

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Anna Durin

Tikar Bemban / Anna Durin

Includes index

Bibliography : pages 141

ISBN 978-967-5527-71-5

1. Handicraft--Sarawak. 2. Hand weaving. 3. Sarawak--Social life and customs.

I. Judul.

746.410959522

Arub  
PL  
5065  
A613  
2014

## Kandungan

Prakata	Prakata	vii
Bab 1	Pendahuluan	1
Bab 2	Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak	5
	2.1 Bahasa Iban	9
	2.2 Sosiobudaya Masyarakat Iban	10
	2.3 Kosmologi Masyarakat Iban	18
	2.4 Ekonomi Masyarakat Iban	31
	2.5 Pendidikan Masyarakat Iban	33
	2.6 Teknologi Masyarakat Iban	33
Bab 3	Konsep Seni Dalam Budaya Masyarakat Iban dan Jenis-Jenis Tikar bemban	35
	3.1 Konsep Seni Rupa	37
	3.2 Konsep Seni Anyaman	37
	3.3 Bahan-Bahan Anyaman	41
	3.4 Pantang Larang Berkaitan Tikar Bemban	51
	3.5 Jenis-Jenis Tikar Bemban	57
Bab 4	Teknik Menganyam dan Symbolisme Motif Tikar Bemban	65
	4.1 Penyediaan Bilah-Bilah Bemban untuk Anyaman	66
	4.2 Cara-Cara menganyam Tikar Bemban	72
	4.3 Konsep symbolisme dalam Seni Tikar Bemban Masyarakat Iban	76
	4.4 Analisis Motif-Motif Tikar Bemban	104
Bab 5	Fungsi Tikar Bemban dalam Masyarakat Iban	109
Bab 6	Cabaran dan Harapan	129
Bibliografi		141

Kandungan

1	1.1	1.1.1	1.1.2	1.1.3	1.1.4	1.1.5	1.1.6	1.1.7	1.1.8	1.1.9	1.1.10	1.1.11	1.1.12	1.1.13	1.1.14	1.1.15	1.1.16	1.1.17	1.1.18	1.1.19	1.1.20	1.1.21	1.1.22	1.1.23	1.1.24	1.1.25	1.1.26	1.1.27	1.1.28	1.1.29	1.1.30	1.1.31	1.1.32	1.1.33	1.1.34	1.1.35	1.1.36	1.1.37	1.1.38	1.1.39	1.1.40	1.1.41	1.1.42	1.1.43	1.1.44	1.1.45	1.1.46	1.1.47	1.1.48	1.1.49	1.1.50	1.1.51	1.1.52	1.1.53	1.1.54	1.1.55	1.1.56	1.1.57	1.1.58	1.1.59	1.1.60	1.1.61	1.1.62	1.1.63	1.1.64	1.1.65	1.1.66	1.1.67	1.1.68	1.1.69	1.1.70	1.1.71	1.1.72	1.1.73	1.1.74	1.1.75	1.1.76	1.1.77	1.1.78	1.1.79	1.1.80	1.1.81	1.1.82	1.1.83	1.1.84	1.1.85	1.1.86	1.1.87	1.1.88	1.1.89	1.1.90	1.1.91	1.1.92	1.1.93	1.1.94	1.1.95	1.1.96	1.1.97	1.1.98	1.1.99	1.1.100
---	-----	-------	-------	-------	-------	-------	-------	-------	-------	-------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	--------	---------

# Prakata

## BAB I

Puji-pujian kepada Tuhan yang Maha Esa kerana dengan berkatNYA dapat dihasilkan buku ini.

Ucapan terima kasih kepada Profesor Dato' Othman Yatim di atas kesudian beliau memberi bimbingan, idea-idea dan kritikan yang membina. Di atas pertolongan beliau maka selesailah sebuah latihan ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu di Universiti Malaya (2002) dan seterusnya terbitlah buku ini.

Terima kasih kepada keluarga tersayang, suami saya The Right Revd. Aeries Sumping Jingan, anak-anak saya, Caroline Mariam Aeries, Edward Baran Aeries dan Andrew Aeries yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan kepada saya untuk terus berjuang sehingga siap kajian dan buku ini. Terima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang lain, mendiang ibu angkat saya Enduyan Baran Brooke, mendiang ibu kandung Elizabeth Tera Baran Brooke, mendiang Urie @ Chular Baran Brooke dan ayah saudara saya Penghulu Daniel Baran Brooke, Tuai Rumah Saleh Baran Brooke, Empina Emparie Brooke, Embak Sang, ibu mertua saya Kandat Untoi, mendiang bapa mertua Jingan Engkamat dan

mendiang bapa saya Penghulu Remigius Durin Nyanggu, nasihat anda semua telah membantu saya menyiapkan kajian berkenaan dengan tikar bemban ini.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada orang yang sangat saya sanjungi iaitu mendiang nenek saya Lucy Unak, di atas tunjuk ajar berkenaan ilmu anyaman tikar bemban Iban sejak saya kecil-kecil lagi. Nenek yang saya sangat sayangi dan hormati, kerana nenek lah saya menjadi seorang manusia yang memiliki ilmu seni anyaman terutamanya motif dan corak tradisi Iban Saribas. Nenek yang memberi saya perangsang, dan kerana perangsang itu saya dapat meneruskan pelajaran saya sehingga tamat peringkat Doktor Falsafah.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua pemberi maklumat, Selindung Linggih, Anda Uging, mantan Tuai Rumah Setana, Datuk Paduka Empiang Jabu dan pemberi gambar seperti yang tertulis di bawah setiap gambar yang diberikan kepada saya. Di atas bantuan pemberi maklumat dan pemberi gambar itu maka dapatlah pengubahsuaian gambar motif dan corak tikar bemban lebih mantap lagi berbanding dengan hasil dalam latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2002). Terdapat juga daripada motif atau corak itu dianyam dengan bilah plastik tetapi pada masa dahulu semua motif atau corak tersebut dianyam dengan menggunakan bilah-bilah bemban.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini.

Anna Durin  
Universiti Malaysia Sarawak  
(9 Mac 2014)

## BAB 1

### Pendahuluan

**T**ikar bemban yang dihasilkan oleh bangsa Iban di Sarawak disifatkan sebagai antara yang tercantik di dunia (Heinze, 1969: 39). Seni anyaman tikar bemban merupakan satu daripada cabang seni kraf tangan Sarawak yang perlu dipertahankan. Tikar ialah hamparan daripada anyaman daun mengkuang, bemban dan lain-lain yang dibentangkan sebagai alas duduk atau tidur. Bemban (*Donax arundastrum*) ialah sejenis tumbuhan di kawasan berpayau atau di tebing sungai dengan batangnya kira-kira sebesar satu inci lilitan, manakala bahagian luar batangnya sangat sesuai dibuat tikar ataupun bakul. Bemban yang digunakan untuk menganyam tikar adalah daripada jenis *Donax* atau lebih spesifik lagi *donax arundastrum* (Blehuat, 1997: 40).

Abad sebenar bermula pembuatan seni anyaman tikar bemban tidak diketahui dengan jelas, tetapi dipercayai bahawa seni tikar bemban sudah

terkenal dalam masyarakat Iban sejak zaman moyang dahulu. Perkara ini dibuktikan daripada cerita tentang seorang wanita cantik yang bernama Sendi. Berdasarkan cerita lisan ini, beliau sangat mahir dalam ilmu menganyam tikar dan dapat mencipta motif-motif yang cantik. Cerita ini wujud ketika orang Iban sudah menetap di Sarawak seperti di Sebuyau, Sadong dan Saribas. Seni tikar bemban dipercayai sudah ada semasa orang Iban atau Dayak masih tinggal di Kalimantan, Indonesia, iaitu sebelum mereka berhijrah ke Sarawak.

Perkara ini dapat dijelaskan berpandukan pendapat Hall (1995: 497) yang mengisahkan tentang urusan perdagangan yang berlaku pada abad ke-17 di Banjarmasin, Kalimantan. Terdapat cerita tentang orang Melayu dan orang Dayak dari pedalaman Pulau Borneo yang menjalankan aktiviti bertukar-tukar barang. Orang Dayak dikatakan membawa tikar untuk dijual bersama-sama barangan lain. Howell (1993: 33) menyatakan bahawa orang Iban yang menggunakan tikar sebagai alas duduk. Beliau menambah, selepas balik daripada bercucuk tanam, berburu dan lain-lain, orang Iban biasanya akan mandi dahulu, kemudian barulah balik ke rumah dan duduk berehat di atas tikar yang dihamparkan. Hal ini bermakna, orang Dayak atau Iban tidak akan duduk di lantai tanpa tikar.

Terdapat beberapa jenis tikar bemban, antaranya *tikai empeda*, *tikai belebak*, *tikai rampung* dan *tikai alus*. Jenis tikar ini ditentukan oleh halus atau kasarnya bilah-bilah anyaman bemban yang digunakan. Selain itu, jenis tikar bemban juga ditentukan oleh panjang atau pendek batang-batang bemban yang digunakan. Kehalusan bilah juga ada kaitan dengan kawasan bemban itu tumbuh, sama ada di kawasan hilir atau pedalaman. Di pedalaman, bemban air lebih keras dan susah dianyam

berbanding dengan bemban yang tumbuh di kawasan hilir. Hal inilah yang menyebabkan tikar bemban di pedalaman tidak sehalus tikar bemban di bahagian hilir.

Dalam proses pembuatan tikar bemban, terdapat pantang larang yang harus dipatuhi. Hal ini untuk menjaga keselamatan penganyam dan ahli keluarga penganyam berkenaan. Menurut Freeman (1992, 157–162), sistem kepercayaan orang Iban mengenai burung *halik / omen* adalah satu peraturan yang diberi oleh Tuhan. Peraturan ini bertujuan membimbing dan membantu mereka daripada kemalangan atau apa-apa juga perkara yang tidak diingini. Kemalangan dan perkara yang tidak diingini itu bukan disebabkan oleh burung tetapi kerana manusia ingkar atau cuai dan tidak mempedulikan amaran yang dibawa oleh burung. Kalau pantang larang dipatuhi, manusia memperoleh manfaat daripadanya dan sekiranya tidak dipatuhi, maka buruk padahnya. Pantang larang berkaitan dengan menganyam tikar bemban, ada kaitan dengan tumbuhan bemban dan proses penganyaman. Bemban tidak boleh digunakan sesuka hati dan motif-motif juga tidak boleh dianyam sesuka hati.

Tikar bemban seperti alat-alat anyaman lain, mempunyai fungsi tertentu. Fungsi yang paling utama adalah sebagai alas duduk. Tikar bemban berguna sama ada di rumah, pondok sawah atau huma, waktu *miring* sama ada di dalam atau di luar rumah, waktu perayaan dan sebagainya. *Miring* bermaksud upacara memuja semangat atau dewa-dewi supaya datang dan menolong penghuni rumah panjang, selain menghalau semangat yang jahat supaya tidak mengganggu lagi. Peranan tikar bemban sama penting dengan peranan tikar rotan. Di daerah Saribas, jika ada mesyuarat di rumah panjang selalunya, tikar bemban digunakan sebagai alas duduk.

Sehingga kini tikar bemban masih dianggap satu daripada alat seni yang disanjung tinggi oleh masyarakat Iban. Didapati bahawa tikar bemban masih digunakan semasa upacara kematian dan pelbagai aktiviti lain di rumah panjang, termasuk ketika mengadakan upacara *gawai*. Penghuni rumah panjang masih mementingkan tikar bemban sebagai alas duduk sama ada ketika menyambut tetamu, *berandau* pada masa lapang, mesyuarat atau waktu-waktu tertentu; misalnya Gawai Dayak, *rabat*, dan lain-lain. Walaupun begitu, perubahan masa, kedudukan ekonomi dan pendidikan membawa perubahan kepada penggunaan tikar bemban dalam kalangan masyarakat Iban. Semakin ramai orang Iban sama ada di rumah panjang atau di bandar lebih suka menggunakan tikar plastik. Dengan pengeluaran dan penjualan tikar plastik, fungsi tikar bemban semakin berkurangan, terutamanya pada waktu perayaan.

## BAB 2

### Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak

Orang Iban yang tinggal di Sarawak pada masa dahulu dikenali sebagai *Sea Dayaks* kerana mereka suka pergi ke laut sama ada untuk berperang atau *ngayau / headhunting* para pedagang. Mereka merupakan penduduk peribumi yang terbanyak di negeri Sarawak. Menurut Howell (1993: 15), orang Iban telah berhijrah ke Pulau Borneo lebih awal daripada orang Melayu. Sebelum itu, orang Iban dipercayai tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Punca mereka berpindah tidak jelas, namun dipercayai kerana peperangan, kebuluran atau mereka enggan menerima agama Islam.

Berdasarkan banci pada tahun 1960, orang Iban adalah merangkumi 32 peratus daripada jumlah penduduk negeri Sarawak. Asmah Hj. Omar (1981: 1) mengatakan, orang Iban adalah daripada rumpun Melayu Proto yang berasal dari Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Walaupun begitu, mereka tidak dipengaruhi agama Islam dan budaya Melayu Islam.



Sandin.(1967: 28) pula menyatakan, orang Iban pada masa dahulu disebut *Sea Dayaks* atau Dayak Laut oleh Rajah Brooke kerana kegiatan utama mereka adalah berkaitan dengan laut, misalnya belayar, menyerang penduduk di pesisiran pantai dan sebagainya. Perkataan Iban dikatakan diberi oleh orang Kayan, satu daripada kaum bumiputera di Sarawak yang bermaksud 'suka berpindah atau berhijrah'. Selain itu, orang Kayan memberi nama Iban kerana orang Iban dikatakan lebih berani dan agresif daripada kaum bumiputera yang lain. Apabila orang Iban berhijrah ke tempat baharu, mereka menyerang penduduk asal dan terus merampas kawasan itu. Sebelum perkataan Iban digunakan, orang Iban sendiri selalu menggunakan nama sungai untuk kumpulan masing-masing. Misalnya, kalau mereka dari kawasan Sungai Saribas, mereka menggelarkan diri sebagai orang Saribas, kalau dari kawasan Sungai Rejang pula, mereka ialah orang Rejang.

Menurut Mashman (1986: 9-10), orang Iban Sarawak berasal dari Kapuas di Kalimantan, Indonesia. Berdasarkan sejarah lisan kaum Iban pula, mereka berhijrah ke Sarawak kerana enggan memeluk agama Islam yang pada masa itu telah tersebar ke Kalimantan. Setelah sampai dan menetap di tempat-tempat yang disebut tadi, mereka mula berpindah dan terus menguasai hampir seluruh Bahagian Kedua (kini kawasan Sri Aman dan Betong), Sarawak terutamanya kawasan pedalaman. Kawasan hilir, seperti hilir Sungai Saribas, tidak diganggu. Orang yang tinggal di situ ialah orang Melayu.

Dari Bahagian Kedua, orang Iban telah berpindah ke Bahagian Ketiga, seperti ke kawasan Rejang. Pada masa perpindahan itu, mereka juga menyerang dan mengalahkan penduduk peribumi di kawasan-kawasan tersebut seperti kaum Bukitan, Seru dan lain-lain. Oleh sebab orang Iban suka berperang, ada antara pengkaji barat, yang menyifatkan kaum

Iban sebagai kaum yang berani dan kejam. Orang Iban pada zaman dahulu ialah kaum yang suka memotong kepala musuh dan oleh itu mereka disifatkan sebagai orang yang sangat kejam di dunia.

Menurut Brooke (1970: 55), James Brooke telah menulis surat yang menyatakan rasa tidak senang hati terhadap orang Iban, terutamanya Iban Saribas dan Skrang yang dianggap sangat kejam. Dalam surat tersebut, beliau menyatakan niatnya hendak menghapuskan Iban Saribas dan Skrang dari muka bumi ini. Walaupun begitu, niatnya dibatalkan apabila para mubaligh Kristian telah membantu rejim Brooke dengan menyebarkan agama Kristian dan memberi pendidikan sekular Barat kepada orang Iban. Pendakwah Kristian yang pertama berdakwah kepada masyarakat Iban ialah Rev. Walter Chambers. Menurut Howell (1993: 10), pada mulanya, pendakwah Kristian hendak membina pusat agama dan sekolah di Nanga Skrang, tetapi tidak menjadi kenyataan kerana pada masa yang sama, iaitu pada tahun 1853, kaum Iban dari Saribas dan Skrang telah memberontak melawan rejim Brooke. Wira kaum Iban itu ialah Pahlawan Rentap. Oleh hal yang demikian, pusat agama dan sekolah ditubuhkan di Banting, Lingga dalam Bahagian Kedua. Di situ dikatakan orang Iban Balau lebih mesra.

Sejak orang Iban memeluk agama Kristian, mereka tidak menjalankan kegiatan *ngayau* iaitu memotong kepala dan berperang lagi. Orang Iban tinggal di kawasan lembah atau di sepanjang tebing sungai utama di Sarawak seperti Batang Sadong, Batang Lupar, Undup, Saribas, Skrang, Entabai, Rejang, Baleh, Katibas, dan Kapit. Kebanyakan orang Iban Sarawak tinggal di Bahagian Sri Aman, Sarikei dan Sibul. Kehidupan mereka sangat bergantung kepada sungai

kerana sungai menjadi alat perhubungan yang sangat penting.

Walaupun begitu, pada masa sekarang, berlaku perubahan khususnya dari aspek pembangunan iaitu ada antara tempat orang Iban sudah dibina jalan raya, misalnya di kawasan Ulu Layar, Ulu Rimbass dan Ulu Krian. Oleh sebab itu, kebanyakan orang Iban yang tinggal di kawasan tersebut, mementingkan jalan raya kerana lebih mudah dan pantas daripada sungai yang panjang dan berbelit-belit. Kalau pada musim kemarau, sungai menjadi cetek dan susah untuk membawa perahu, tetapi pada musim tengkujuh pula air sungai menjadi banjir dan arus yang deras cukup membahayakan.

Rata-rata orang Iban tinggal di rumah panjang. Setiap rumah panjang mempunyai beberapa bilik. Setiap keluarga tinggal di bilik masing-masing. Menurut Freeman (1992: 1), rumah panjang orang Iban dibina di tepi sungai dan diperbuat daripada kayu keras dan mempunyai banyak tiang. Sebuah rumah panjang berukuran kira-kira tiga ratus kaki atau lebih. Ia berbentuk lurus dan biasanya menghadap ke sungai dan terdiri daripada beberapa bilik dan berbentuk lurus dan menghadap ke sungai. Kebanyakan keluarga yang tinggal di sebuah rumah panjang mempunyai pertalian keluarga.

Howell (1993: 39) menyatakan bahawa rumah panjang orang Iban, ialah sebuah kampung yang terdiri daripada beberapa keluarga yang dibina bersama di bawah satu bumbung. Orang Iban dipercayai daripada rumpun Melayu proto yang pada masa dahulu tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Pendapat beliau disokong oleh penggunaan alat tenunan dan cara bertenun kain yang telah dipraktikkan sejak berapalama dahulu. Cara mereka bertenun tidak sama dengan cara bertenun orang Melayu di Sarawak, tetapi alat tenun (*spinning wheel*) mereka

sama dengan yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu pada masa dahulu.

Howell (1993: 5) menyatakan bahawa bangsa Iban mempunyai kumpulan tertentu sama seperti yang dinyatakan oleh Sandin 1967. Kumpulan itu diberi nama mengikut nama sungai seperti Iban Saribas, Iban Skrang, Iban Rejang, Lemanak, Kumpang, Engkari, Kubau, dan Engkerbang. Pembahagian dialek mereka juga adalah sama mengikut nama sungai. Contohnya, dialek Iban Saribas, dialek Iban Rejang dan lain-lain.

## 2.1 Bahasa Iban

Menurut Howell (1992: 15-18) orang Iban atau Dayak Laut walaupun mempunyai banyak kumpulan, tetapi mereka mempunyai satu bahasa yang sama, iaitu bahasa Iban yang termasuk dalam rumpun bahasa Melayu. Tidak hairanlah, kalau banyak perkataan Melayu yang terdapat dalam bahasa Iban. Menurut beliau lagi, terdapat banyak juga perkataan daripada bahasa Sanskrit, yang sudah diterima sebagai bahasa Iban yang tulen. Setiap kumpulan ini, mempunyai idiom, cara sebutan atau slanga tersendiri. Bahasa Iban bahasa yang dinamik dan dapat bertahan kekal sepanjang zaman.

Setelah bertembung dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris, berlaku proses peminjaman bahasa. Proses ini telah memperkaya bahasa Iban. Mengikut Howell (1992: 15-18) lagi, bahasa Iban dan bahasa Melayu "bersaudara". Beliau juga menyatakan, tentang sebuah legenda kerajaan Majapahit. Dalam legenda tersebut, seorang putera Majapahit yang bernama Pengeran Samatra ialah raja

Majapahit yang pertama memeluk Islam pada abad ke-13. Seorang puteri Pengeran Samatra telah berkahwin dengan orang Dayak. Orang Dayak yang disebut itu besar kemungkinan ialah orang Iban. Hal ini kerana Howell (1992: 15-18) menyatakan bahawa bahasa Iban telah banyak menerima bahasa Arab yang telah digunakan oleh orang Melayu sejak Islam tersebar di rantau ini. Oleh sebab banyak perkataan Sanskrit dalam bahasa Iban, beliau juga mengatakan orang Iban memang pernah tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Sejak mereka berhijrah ke Pulau Borneo, mereka juga banyak menerima bahasa orang Kayan.

Menurut Asmah Hj. Omar (1981: 5) bahasa Iban terdiri daripada bahasa Austronesia. Bahasa Iban berbeza sedikit sahaja daripada bahasa Melayu. Persamaan antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu boleh dilihat dari segi struktur frasa dan ayat.

## 2.2 Sosiobudaya masyarakat Iban di Sarawak politik

Dalam sistem politik masyarakat Iban, terdapat beberapa orang tertentu yang sangat berpengaruh dalam kehidupan mereka, iaitu *tuai rumah*, *tuai burung* dan *manang*. Masyarakat Iban sangat mementingkan nilai murni seperti adil, sabar, sopan santun, dan tidak sombong.

### a) Tuai rumah

Menurut Freeman (1992: 109) ada dua jenis ketua yang sangat penting di sesebuah rumah panjang orang Iban, iaitu *tuai rumah* dan *tuai burung*. Di kebanyakan rumah panjang, dua jawatan ini dipegang oleh orang yang berlainan. Walau bagaimanapun, kedua-dua jawatan tersebut boleh

disandang oleh seorang sekali gus, iaitu *tuai rumah* boleh juga menjadi *tuai burung*. *Tuai burung* atau *tuai rumah* mesti terdiri daripada kaum lelaki.

Untuk memilih *tuai rumah*, orang Iban tidak begitu mementingkan umur seseorang itu. Orang yang dipilih menjadi *tuai rumah* tidak semestinya lebih tua daripada anak-anak buahnya. Begitu juga dengan cara pemilihan ketua yang lain. Misalnya, dalam satu ekspedisi *bejalai* atau merantau, kumpulan itu akan memilih seorang ketua atau *tuai*. Pilihan tadi boleh dalam kalangan sama umur atau lebih muda daripada yang lain. Biasanya dalam pemilihan ketua *bejalai*, orang yang dipilih itu mempunyai pengalaman atau pernah *bejalai* sebelum itu. Dalam pemilihan *tuai rumah* dan *tuai burung* juga calon mestilah orang yang baik, rajin, daripada keluarga berada dan selalunya berumur dalam lingkungan empat puluhan ke atas.

Sejak kedatangan British di Sarawak, berlaku sedikit perubahan dalam tugas *tuai rumah*, misalnya *tuai rumah* telah menjadi orang perantaraan kerajaan dengan komuniti rumah panjang. Kerajaan telah mengiktiraf *tuai rumah* sebagai wakil penduduk rumah panjang yang berkenaan. Oleh itu, tugas *tuai rumah* sebagai orang perantaraan kerajaan tadi adalah untuk menyampaikan atau membantu kerajaan menjalankan atau menerapkan dasar-dasar kerajaan kepada penduduk rumah panjang.

Tugas *tuai rumah* juga adalah menjadi hakim kecil di rumah panjang apabila berlaku perselisihan faham antara anak buah beliau. Walaupun menjadi *tuai rumah* dan juga menjadi hakim sekaligus tetapi *tuai rumah* tidak boleh membuat keputusan atau menjatuhkan hukuman sesuka hati. Semasa perbicaraan diadakan, beberapa orang dipilih sebagai para juri. Juri berkenaan akan berbincang bersama-sama terlebih dahulu sebelum

keputusan dibuat supaya kedua-dua pihak yang bertelagah berpuas hati, dengan keputusan yang dibuat.

Kalau ada perkara yang tidak boleh diselesaikan oleh *tuai rumah*, perkara berkenaan akan dibawa kepada pengadilan penghulu. Penghulu ialah ketua kawasan. Kawasan tersebut mempunyai beberapa buah rumah panjang. Sebagai ketua masyarakat, penghulu juga diberi kuasa yang sama untuk menjalankan dan membantu menerapkan dasar-dasar kerajaan kepada anak buah beliau. Pada zaman tradisional cara pemilihan penghulu adalah mengikut waris. Walaupun begitu, penghulu yang hendak dilantik tidak semestinya anak penghulu. Pengganti boleh dipilih daripada orang yang layak dan mempunyai pertalian darah dengan penghulu berkenaan.

Menurut Freeman (1992: 115), jawatan *tuai rumah* bukan diwarisi secara turun-temurun. Apabila seseorang *tuai rumah* meninggal dunia ataupun sudah uzur, maka penggantinya akan dipilih melalui mesyuarat. Antara kelayakan untuk menjadi ketua ialah seseorang calon itu mestilah mempunyai perwatakan yang baik seperti sabar, tidak sombong, dapat bercakap dengan baik dan bersopan santun. Beliau juga mesti menguasai adat resam, dan selalunya, orang yang dipilih menjadi ketua rumah panjang terdiri daripada orang berada. Hal ini demikian kerana *tuai rumah* selalunya dikunjungi ramai pelawat seperti pegawai kerajaan. Kalau beliau miskin, tentulah susah untuk melayan tetamu dari segi makan dan minum. Selain itu, beliau mestilah berlaku adil, terutamanya apabila mengadakan perbincangan anak-anak buahnya.

*Tuai rumah* yang tidak baik boleh dilucutkan jawatannya dengan mengadakan *aum* atau mesyuarat untuk mencari pengganti yang lebih layak. *Tuai rumah* yang telah dilucutkan jawatan, tidak boleh berbuat

apa-apa. Beliau terpaksa berhenti kerana urusan memilih ketua rumah panjang terletak pada suara ramai, termasuk wanita.

Tugas dan tanggungjawab *tuai rumah* pada asalnya adalah untuk menjaga adat, menjaga keselamatan anak-anak buahnya dan menjadi hakim di rumah panjangnya sahaja, sekiranya perbincangan berlaku. Menurut Buma (1987: 13-16), setiap rumah panjang ada *tuai rumah*. *Tuai rumah* dipilih oleh penduduk rumah panjang itu sendiri. Apabila *tuai rumah* sudah uzur atau meninggal, maka mesyuarat khas akan diadakan untuk mencari penggantinya. Penggantinya itu boleh jadi anak beliau sendiri atau keluarga terdekat ataupun orang lain tetapi yang penting mesti mempunyai kelayakan seperti memiliki sifat yang baik dan boleh menjadi contoh kepada anak-anak buahnya. Beliau tidak boleh bertindak sesuka hati. Setiap cadangan atau keputusan tertentu, mestilah terlebih dahulu dibawa kepada mesyuarat rumah panjang. Keputusan yang dibuat selalunya berdasarkan suara ramai.

Beliau juga mesti mempunyai seorang isteri yang baik dan rajin. Isteri *tuai rumah* yang baik akan menjadi contoh kepada kaum perempuan di rumah panjang berkenaan. Buma (1987: 13-16) juga menyatakan bahawa orang Iban mengamalkan politik demokrasi. Setiap masalah, cadangan dan keputusan mesti dibawa dalam mesyuarat dan setiap penduduk rumah panjang (kecuali kanak-kanak) berhak mengemukakan pendapat masing-masing. Setiap pendapat akan diambil kira dan dibincangkan kesimpulan, dan keputusan dilakukan mengikut suara ramai.

## b) Tuai Burung

Selain *tuai rumah*, *tuai burung* juga mempunyai pengaruh dalam hidup masyarakat Iban. Menurut Freeman (1992: 116-119), rumah panjang adalah sebagai entiti ritual. Orang Iban dengan kepercayaan tradisi mereka, banyak mengadakan ritual yang berkaitan dengan kepercayaan dan kehidupan mereka. Dengan adanya ritual itu, komuniti rumah panjang akan dapat mengeratkan hubungan sesama mereka. Ketua ritual di rumah panjang tidak semestinya *tuai rumah*. *Tuai burung* adalah ketua ritual seperti *tuai burung* dalam ritual Gawai Antu. Dalam ritual Gawai Antu, seseorang yang layak menjadi *tuai burung* adalah seseorang yang mempunyai roh moyang atau roh sanak saudara yang paling tua yang hendak dipersembahkan ritual tersebut.

Ada ketikanya *tuai burung* itu juga ialah *tuai rumah*. Jawatan *tuai burung* juga sangat penting kerana beliau adalah yang akan menjadi ketua untuk mengadakan upacara seperti upacara *gawai*, *miring* dan upacara-upacara lain. Upacara itu bertujuan untuk mententeramkan semangat yang telah marah, meminta perlindungan daripada dewa, meminta dewa memberi rezeki dan lain-lain lagi. Tanpa *tuai burung*, upacara ritual ini tidak boleh dilakukan. Tugas *tuai burung* adalah berkaitan dengan burung, beliau sememangnya pakar dalam bidang kepercayaan animisme masyarakat Iban.

## c) Manang

Selain *tuai rumah* dan *tuai burung*, orang yang sangat berpengaruh dalam kehidupan masyarakat Iban ialah *manang*. Tidak seperti *tuai rumah* yang ada setiap rumah panjang, *manang* jarang-jarang didapati. Kadang-kadang sesebuah daerah cuma terdapat seorang *manang*. *Manang* ialah

seorang yang sudah ditetapkan atau dikehendaki untuk mengubati orang sakit atau menolong manusia daripada gangguan hantu atau semangat jahat.

Dalam kepercayaan tradisional orang Iban, *manang* yang pertama ialah Raja Menjaya, adik-beradik dengan *Sengalang Burung*. *Sengalang Burung* ialah dewa daripada semua dewa, dan dewa ini juga yang membantu orang Iban dalam peperangan. *Sengalang Burung* mengutuskan Raja Menjaya menjadi *manang* dan menukarnya kepada *Manang Bali*. *Manang Bali* bermaksud seorang lelaki yang menjadi *manang* dan terus bertukar jantina kepada perempuan.

*Manang* bukan diwarisi daripada turun-temurun, tetapi dipercayai sama ada diperturunkan melalui mimpi ataupun melalui intuisi beliau sendiri. Setiap *manang* ada semangat atau *yang*. *Yang* yang menolong *manang* dalam upacara pengobatan. *Yang* dipercayai oleh orang Iban tradisional boleh menjelma sebagai haiwan seperti buaya, biawak, ular, burung, katak dan ikan.

Tugas *manang* bukan sahaja mengubati orang sakit, tetapi juga menjaga keselamatan atau melindungi manusia daripada semangat atau hantu jahat yang suka mengganggu atau makan manusia. Selain itu, *manang* juga dipercayai dapat menyelamatkan orang daripada mimpi buruk yang membawa kepada kemalangan atau malapetaka.

Howell (1993: 49) mengatakan terdapat tiga kategori *manang*, iaitu *Manang Bali*, *Manang Mansau* dan *Manang Mata*. Menurut beliau, *Manang Bali* bermaksud seorang *manang* lelaki yang bertukar menjadi perempuan. *Bali* bermaksud bertukar. *Manang Mansau* adalah dalam gred kedua. Maka *mansau* bermaksud masak. *Manang Mansau* bermaksud seorang *manang* yang telah cukup syarat. Cara beliau

mendapat gred berkenaan adalah dengan melakukan ritual tertentu yang mesti dilalui seorang *manang*. Selepas melalui ritual-ritual itu, barulah beliau diterima dalam kategori kedua, iaitu *Manang Mansau*. Proses ritual itu mesti dilakukan supaya *manang* berkenaan mempunyai ilmu *manang* atau ilmu perubatan yang cukup baik dan tinggi. Oleh itu, dengan tingkat ilmu ini, seterusnya *manang* dapat mengubati manusia daripada segala jenis penyakit.

*Manang Mata* pula berlawanan maksud dengan *Manang Mansau*. *Mata* bermaksud belum masak atau masih mentah. *Manang Mata* terdiri daripada kelas bawahan kerana masih belum mempunyai cukup syarat untuk menjadi seorang *Manang Mansau*. Tugas beliau adalah untuk membantu *Manang Mansau* dalam proses pengubatan seperti masa *belian* orang sakit. *Belian* ialah satu upacara pengubatan yang dilakukan oleh *Manang*. Beliau juga perlu belajar ilmu *manang* daripada *Manang Mansau* andainya mahu diterima menjadi *Manang Mansau*.

Dalam hierarki rumah panjang Iban, ketiga-tiga jenis *manang* di atas tadi sangat berpengaruh dalam kehidupan masyarakat Iban. Nasihat yang diberi oleh *manang* kepada anak-anak buahnya memang selalu dipatuhi, khususnya yang berkaitan dengan semangat atau hantu. Kalau lalai mengikut nasihat, semangat atau hantu boleh datang dan mengganggu keharmonian hidup manusia. Sekiranya kejadian ini berlaku, manusia yang akan menerima padah, misalnya jatuh sakit, mendapat kemalangan atau meninggal dunia. Sebenarnya, tidak ramai orang yang boleh menjadi *manang*. Lantaran itu, orang Iban sangat memandangi tinggi terhadap seseorang *manang*.

Selain daripada tiga jenis *manang* tadi, satu lagi golongan yang penting di rumah panjang ialah wanita yang sangat pakar menganyam dan bertenun.

#### d) Indu Takar atau Indu Gar

Orang Iban sangat menyanjung tinggi wanita Iban yang mahir dalam kraf tangan seperti menganyam dan bertenun. Orang yang pakar dalam bidang ini dikenali sebagai *indu takar* atau *indu gar*. Mereka bukan sahaja dapat menganyam tikar bemban tetapi juga pandai menganyam alat untuk kegunaan oleh roh orang mati. Alat-alat yang dianyam untuk roh orang mati adalah seperti *garung*, *gadai*, *bubu sebayan*, *tikai sebayan*, dan lain-lain lagi.

*Garung* merupakan alat anyaman yang digunakan untuk menyimpan buluh. Buluh itu ialah bekas air tapai yang telah dijampi dan hanya orang yang pernah membunuh musuh sahaja layak minum air tapai tersebut. Kalau yang tidak layak meminum air tapai tersebut, dia akan *tulah mati*. Maksud *tulah mati* ialah kalau orang itu tidak pernah memotong kepala musuh atau bukan waris, dia akan jatuh sakit dan terus mati. Selain itu, mereka boleh mengajar dan membimbing kaum muda yang ingin belajar. Mereka juga tahu mengenai pantang larang yang berkaitan dengan seni anyaman dan tenunan. Kalau ada upacara gawai kecil seperti *Gawai Nganyam*, pakar menganyam itulah yang diminta untuk menganyam alat-alat yang diberi kepada roh-roh orang mati semasa *Gawai Antu*.

Tugas *indu takar* adalah memulakan proses anyaman dan membantu wanita lain yang ada masalah dalam bidang seni anyaman. Jumlah *Indu takar* ini tidak ramai dan mereka ini juga adalah orang yang terpilih dan telah mendapat azimat daripada dewa seperti *Indai Abang*. Dewi ini dipercayai boleh memberi mereka azimat, biasanya melalui mimpi. Bagi masyarakat Iban, menganyam dan bertenun tidak boleh dilakukan sesuka hati.

## 2.3 Kosmologi Masyarakat Iban

Masyarakat Iban kuno mempunyai kepercayaan tersendiri mengenai asal-usul kejadian alam semesta. Mereka percaya bahawa semua benda hidup atau bukan hidup mempunyai semangat seperti gunung, sungai dan pokok beringin dipercayai berpenunggu. Selain itu, mereka percaya wujudnya satu alam ghaib yang dinamakan *Panggau Libau* dan *Gelung Batu Nakung* iaitu tempat tinggal para dewa dan dewi. Mereka juga percaya kewujudan alam mati atau *Menua Sebayan* iaitu tempat roh manusia yang telah meninggal dunia. Oleh sebab itu, beberapa perkara berkaitan kepercayaan tradisi itu akan dibincangkan di bawah ini.

### a. Asal Usul Kejadian Alam Semesta

Menurut Dunn (1993: 27) pada mulanya, hanya air yang terbentang luas di muka bumi ini dan di atas air itu terapung dua orang dewa pencipta. Seorang bernama *Ara* dan seorang lagi bernama *Irik*. Mereka menjelma dalam bentuk burung. Orang Iban memang percaya bahawa dewa dewi, semangat atau hantu boleh menjelma dalam bentuk haiwan. Kedua-dua dewa pencipta tadi mengambil dua benda dari dalam air yang luas ini.

Dua benda itu tidak dinyatakan namanya dan dipercayai saiznya sebesar telur ayam. Daripada dua benda ini, seorang dewa mencipta langit dan seorang dewa lagi mencipta bumi. Bumi yang dicipta itu tadi terlalu besar, kerana itu langit menjadi kecil dan tidak boleh menjadi payung dengan baik kepada bumi yang terlalu besar itu. Melihat keadaan sedemikian, kedua-dua dewa, iaitu *Ara* dan *Irik* tadi pun berusaha

mengecilkan bumi. Mereka mengecilkan bumi dengan cara *ngeredut* bumi itu dengan memicit-micitkannya supaya ia menjadi kecil. Akhirnya, bumi pun kecil dan setimpal dengan langit. Walau bagaimanapun, dalam proses pengecilan bumi itu tadi, permukaan bumi yang rata telah bertukar menjadi tidak rata lagi, tetapi berkedut-kedut. Dengan kedutan-kedutan itu maka terbentuklah gunung, bukit, lurah, lembah, dan sungai.

Setelah bumi dicipta, maka pokok-pokok dan tumbuhan-tumbuhan lain pun mulalah tumbuh. Melihat bumi tidak ada penghuni, maka *Ara* dan *Irik* pun cuba mencipta manusia. Pada mulanya mereka hendak mencipta manusia daripada pokok. Mereka menebang pokok dengan benda yang tajam. Benda tajam itu tidak pula disebut namanya. Daripada luka pokok itu, keluarlah cecair atau getah berwarna putih. Melihat warna getah itu putih, mereka tidak jadi membentuk manusia daripada pokok berkenaan. Mereka memilih lagi pokok yang lain. Apabila ditebang, pada luka pokok itu, keluar pula getah berwarna merah seperti darah. Mereka puas hati dan mula membentuk manusia daripada pokok tersebut. Malangnya, setelah siap, ciptaan itu tidak bernyawa dan tidak boleh dihidupkan.

Akhirnya, mereka pun mengambil segumpal tanah liat. Daripada segumpal tanah liat itu *Ara* dan *Irik* mencipta dua orang manusia; seorang lelaki dan seorang perempuan yang diberi nama *Tanah Tumpuk*. *Tanah Tumpuk* bermaksud gumpalan tanah. Orang Iban percaya manusia yang berbangsa Iban, adalah daripada keturunan *Tanah Tumpuk*.

Mengapakah orang Iban percaya akan burung? Pada masa dahulu kala, bumi telah mengalami banjir yang sangat besar. Semua manusia sama ada orang Melayu atau Iban berusaha menyelamatkan diri ke tempat yang tinggi. Pada masa itu juga, manusia sudah mempunyai

buku. Jadi, semasa mereka menyelamatkan diri, orang Melayu membawa buku mereka dengan meletakkannya di atas kepala supaya tidak basah, tetapi orang Iban telah mengikat buku tersebut di bahagian pinggang mereka dengan cawat yang dipakai.

Apabila sampai di tempat yang selamat, buku orang Melayu tidak rosak, tetapi buku orang Iban basah dan rosak. Mereka berusaha menjemur buku itu, tetapi apabila buku itu kering untuk diperbaiki semula, datanglah burung dan terus mematuk buku tersebut lalu menerbangkan buku itu bersamanya. Buku itu tidak dapat diambil kembali kerana telah dilarikan burung tadi. Oleh sebab itu, orang Iban kuno percaya kepada burung. Mereka percaya bahawa burung lebih tahu tentang kandungan buku itu yang mempunyai kaitan dengan cara hidup manusia.

Menurut Howell (1993: 27), terdapat beberapa cerita mengenai asal usul kejadian alam semesta dalam kepercayaan orang Iban di Sarawak. Satu daripadanya adalah seperti yang telah dinyatakan oleh Dunn (1993) tadi. Satu cerita lagi ialah manusia dicipta daripada pokok kayu yang bernama *Kumpang*. Ada versi yang mengatakan bahawa manusia dicipta daripada segumpal tanah dan ada satu lagi cerita manusia dilahirkan oleh dewa atau disebut dalam bahasa Iban *Petara*. Orang Iban menamakan semua dewa *petara* dan ada kalanya disebut sebagai *antu*.

Howell (1993: 19) menyatakan bahawa perkataan *petara* berasal daripada Hindu iaitu *Avatara* yang bererti dewa pencipta Vishnu. Apabila perkataan ini diterima oleh orang Iban, bunyi sebutannya telah bertukar mengikut cara penyebutan orang Iban. Orang Iban tidak mempunyai bunyi fonem /V/ tetapi ada bunyi fonem /P/ atau fonem /B/. Hal ini boleh menunjukkan bahawa orang Iban pada masa dahulu pernah bertembung dengan orang India yang beragama Hindu. Dipercayai

bahawa sebelum mereka berhijrah ke pulau Borneo, mereka pernah tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Semenanjung Tanah Melayu juga pernah ditakluki Kerajaan Majapahit yang berpengaruh agama Hindu-Buddha.

Howell (1993: 25) mengatakan *Petara* melahirkan seorang anak lelaki tetapi tidak diterima oleh keluarganya. Anak itu pun dibuang ke dalam lubang tanah. Kemudian anak itu menjadi dewa tanah yang bernama *Simpulang Gana* atau *Pulang Gana*. Anak yang kedua dilahirkan ialah perempuan, tetapi tidak ada hidung dan dihanyutkan di sungai. Anak itu menjadi dewi air atau dewi sungai yang bernama *Ikan Jewata*. Anak ketiga yang dilahirkan pula tidak seperti manusia biasa kerana tidak bertangan dan berkaki. Anak itu diletakkan di atas pokok dan bertukar menjadi orkid.

Anak keempat pula ialah perempuan dan dinamakan *Siti Permani* tetapi dia dipotong kepada beberapa bahagian. Setiap bahagian menjadi tumbuhan seperti padi, labu, jagung dan sebagainya. Anak kelima pula lelaki yang dipanggil *Belang Pinggang* kerana pinggangnya ada belang. Kemudian dia bertukar menjadi perempuan dan bergelar *Ini Andan*. *Ini Andan* ialah dewi yang menjaga langit dan tinggal di bulan. Anak keenam lahir dan terus berpecah kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian itu tadi menjadi burung, binatang dan haiwan-haiwan yang lain. Anak yang ketujuh dan bongsu ialah perempuan. *Raja Pipit* memberinya nama *Dayang Petri*.

Apabila *Dayang Petri* sudah cukup umur, dia pun berkahwin dengan *Sakumbang Marau Bunsu Chenaga Umbang*. Mereka bertanam padi. Pada zaman itu, biji padi besar seperti saiz buah *asam embawang*. Sekali ditanam, padi itu akan tumbuh dengan lama dan boleh berbuah beberapa kali. *Lanji*



atau *tekaran* juga boleh “berjalan sendiri” ke huma. *Lanji* atau *tekaran* ialah sejenis raga atau bakul yang digunakan khas untuk mengangkut padi dari huma.

Menurut Howell (1993: 25), buah-buah padi bukanlah seperti padi biasa kerana apabila ia sudah masak padi-padi itu tidak payah dituai kerana boleh gugur sendiri dan memasukkan dirinya ke dalam *lanji*. Begitu juga padi-padi tadi, tidak payah dikisar atau ditumbuk kerana dapat membuang kulitnya sendiri. Dengan cara begini *Dayang Petri* bersama-sama suaminya sangat senang kerana tidak payah bekerja keras seperti menuai, mengangkut, mengisar dan menumbuk padi. Walau bagaimanapun, *Dayang Petri* mempunyai sifat yang agak nakal dan suka menggangu padi.

Pada suatu hari *Dayang Petri* pergi ke huma dan terus berteriak kepada padi. Dia melarang padi itu menuai sendiri dan terus mencabut atau memetik buah padi daripada batangnya. Padi-padi itu pun terkejut dan terus berhenti. Selepas itu dia berteriak kepada bakul supaya berhenti berjalan. Dengan cepat dia mengangkat bakul itu. Dia tidak mahu bakul itu berjalan sendiri. Dengan itu, dia membawa bakul itu dengan meletakkan di atas belakangnya dan membawa bakul itu sendiri pulang ke rumah. Setelah sampai di rumah, seperti biasa, padi-padi itu mula membuang kulitnya sendiri. Dengan suara yang kuat, *Dayang Petri* berteriak dan melarang perbuatan padi-padi itu. Tidak puas lagi, dia pun mengambil sebatang kayu dan terus memukul padi-padi itu. Oleh sebab itu, padi-padi tadi pun berhenti bekerja membuang kulit sendiri, malah buah padi yang besar tadi bertukar menjadi kecil seperti saiz buah padi sekarang.

## b. Dewa-dewi dalam Kepercayaan Tradisi Masyarakat Iban

Dalam bahasa Iban, perkataan *antu* boleh bererti dewa, dewi, semangat, penunggu, roh orang mati atau hantu. Dipercayai terdapat dua dewa yang dipanggil *batara*. Mereka berdua ialah dewa langit dan dewa bumi. *Batara Langit* dan *Batara Bumi* berkuasa ke atas semua dewa. Semua dewa dan dewi tunduk hormat kepada kedua-dua *batara* tersebut. Kedua-duanya sama berkuasa tetapi orang Iban kadang-kadang memikirkan *batara* bumi lebih rendah kerana tinggal di bawah langit. Anggapan ini sebenarnya kurang tepat kerana mengikut cerita lama Iban, mereka sama-sama hebat, misalnya kedua-duanya boleh bekerjasama mencipta langit, bumi, manusia dan segala yang ada di alam semesta ini.

Selain dua dewa tadi, orang Iban juga mempercayai beberapa dewa dan dewi yang lain. Dewa *Selempeta ngaga* ialah dewa yang mencipta sesuatu. *Selempandai ngulai* pula merupakan dewi yang boleh mencampur sesuatu supaya ciptaan tadi menjadi sempurna. *Selempetuh ngambuh* pula ialah dewa yang mencipta sesuatu seperti tukang besi yang membuat parang. Ketiga-tiga dewa tadi mendapat kuasa membuat, mencampur dan mencipta. Mereka mendapat kuasa tersebut daripada dua *batara* tadi. Terdapat banyak lagi dewa dan mereka semua mendapat kuasa daripada dewa *batara* yang maha berkuasa, iaitu dewa langit dan dewa bumi.

Dewa yang mencipta tanah kadang-kala disebut *Pulang Gana* dan *Raja Sua*. Dewa-dewa yang lain seperti dewa yang mencipta air dan menjadikan sungai disebut *Seragindi*. Dewa *Kuang Kapung* hanya boleh mencipta buah pada musim kemarau dan sebab itulah pada musim kemarau, pokok buah-buahan selalu berbuah lebat.

*Keling, Bungai Nuing, Laja dan Pungga* ialah adik-beradik. *Apai Karung Besi, Pau, Bunga Jawa, Kumpang Pali, Rendah, Sebalu Gawa, Segunggang, Puntang Medang, Sulung Layang, Tutung* adik *Kumang* bini *Keling, Manggie, Sanggul Labung, Pinang Pung, Pandak Seragatak*, adalah merupakan dewa-dewa yang boleh menolong manusia menjadi kaya, berani dan terkenal. Oleh sebab itulah ketika mengadakan ritual atau gawai, orang Iban selalu memanggil dewa-dewa ini dalam jampi mantera mereka. Dewa-dewa itu juga boleh memudaratkan kehidupan seseorang sekiranya mereka tidak senang hati dengan orang berkenaan.

*Keling* ialah ketua kepada semua dewa yang tinggal di *Panggau Libau*. *Panggau Libau* ialah sebuah rumah panjang di alam ghaib. Kedua-dua dewa ini sebagai ketua saling bekerjasama untuk kebaikan dewa-dewa lain dan juga manusia. Semua dewa ialah makhluk ghaib yang dicipta oleh *Batara Langit* dan *Batara Bumi*.

### c. Roh Moyang

Roh-roh moyang yang telah meninggal juga ada kalanya dipuja orang Iban. Roh-roh tersebut dipercayai dapat menolong mereka menjadi berani, kaya dan mendapat rezeki. Orang Iban percaya kalau roh itu berasal daripada perempuan yang pandai menganyam, roh itu dapat menolong cucu-cicitnya menganyam dengan memberi azimat kepada mereka yang berkenaan.

### d. Hantu dan Semangat

Selain dewa, orang Iban juga mempercayai hantu semangat. Semangat dan hantu dipercayai tidak baik dan suka mengganggu manusia. Waktu ritual diadakan seperti upacara membersihkan sesebuah kawasan, kerana sudah dikotori manusia, semangat *Antu Abu* dipanggil supaya mengambil *piring* dan tidak lagi mengganggu manusia. Hal ini kerana, kalau orang percaya sekiranya ada antara manusia yang berbuat jahat atau sumbang, maka tempat atau kawasan kediaman orang berkenaan akan menjadi kotor. Disebabkan kekotoran itulah, hantu atau semangat jahat ataupun dewa-dewi menjadi marah. Natiujahnya, kawasan itu menjadi sial dan tanaman tidak menjadi. Ternakan juga mati dan wabak penyakit merebak. Kawasan itu juga akan mengalami kemarau atau banjir yang berpanjangan.

Semangat *Antu Gerasi* ialah hantu jahat yang suka merayau-rayau terutama pada waktu hujan panas. Apabila *Antu Gerasi* berjumpa dengan manusia, dia suka menangkap dan “memakan” semangat manusia. Semangat manusia yang ditangkap atau dimakan ini boleh menyebabkan manusia tadi jatuh sakit atau mati dengan mengejut. Antara hantu gergasi yang paling jahat ialah *Gerasi Papa*. *Gerasi Papa* sentiasa lapar dan dikatakan pantang melihat manusia. Kalau terjumpa, dia akan makan manusia berkenaan.

*Antu Buyu* juga jahat kerana suka mengganggu manusia terutama bayi dan kanak-kanak. Bayi yang suka menangis pada waktu malam dipercayai diganggu oleh *Antu Buyu*. *Antu Buyu* juga dipercayai suka makan bayi. Semangat lain yang jahat adalah seperti *Antu Buau Nyada, Singa Belabung Dilah, Belang Kepapas, Pranan Gala* dan lain-lain. Semua semangat itu sangat

ditakuti kerana apabila bertemu sahaja dengan manusia, terus semangat-semangat ini akan mengganggu atau memakan manusia tadi. Kalau manusia lemah semangat, manusia boleh menjadi mangsa. Kalau manusia berani dan kuat semangat, dia akan berlawan dengan hantu dan selalunya orang yang kuat semangat menang. Malah, jika hantu melihatnya berani, hantu itu akan memberi *pengaruh* atau azimat kepada orang terbabit.

Azimat yang diperolehi dapat membantu orang tadi dalam peperangan seperti menjadi kuat, berani, kebal atau menjadi *engkerabun* iaitu tidak nampak oleh musuh. Malah, azimat itu boleh jadi *empelias* supaya orang yang memakainya tidak boleh ditembak oleh senjata api sama ada senapang atau meriam. Kalau dia ditembak, tembakan itu tidak akan tepat. Semasa berlawan dengan hantu, manusia mesti pandai-pandai mencuri apa-apa sahaja benda daripada badan hantu itu, termasuk mencabut rambut, kuku atau lain-lain. Semua benda itu boleh menjadi azimat.

Mengikut cerita orang tua, *Antu Gerasi* pernah menghadihkan kemaluannya kepada seorang lelaki. Kemaluan itu bertukar menjadi batu tetapi masih dalam bentuk yang sama. Dipercayai, azimat itu boleh digunakan oleh orang lelaki untuk memikat perempuan. Kadang-kadang batu azimat itu disebut *jayau kemaluan sempurai*. *Sempurai* ialah dewa yang bernama *Bungai Nuing* yang mempunyai watak yang sangat nakal, berani dan suka bercakap. Sementara *Jayau* pula bererti ubat guna-guna.

#### e. Dewi-Dewi atau Antu Indu

*Pantan Ini Andan* ialah ketua para dewi yang tinggal di bulan. Tugasnya menjaga keselamatan manusia di bumi serta mengarah dan menolong dewi-dewi yang lain. *Ini Andan* berasal daripada dewa lelaki

yang bertukar menjadi perempuan. Cerita orang Iban mengenai *Ini Andan* kadang-kala agak mengelirukan. Seperti yang dijelaskan tadi, *Ini Andan* berasal daripada *Belang Pinggang* iaitu anak *Batara* tetapi dinyatakan juga *Ini Andan* dikatakan bersaudara dengan *Batara* (Howell, 1993: 25).

*Meni Mental Batu*, *Minti Dara Bunsu* dan *Dara Randai Geruda* ialah dewi-dewi yang tinggal di dalam sungai. Mereka boleh menolong manusia menyelam ke dalam air dengan lama dan tidak lemas. Mereka juga dapat membunuh atau melemaskan orang. Masyarakat Iban memandang tinggi orang yang dapat menyelam dengan lama. Hal ini kerana kalau ada pergaduhan yang tidak dapat diselesaikan melalui perbincangan, maka cara menyelamlah yang paling sesuai. Kedua-dua pihak yang bertelagah mesti mencari wakil untuk menyelam. Penyelam yang menyelam lebih lama akan menjadikan pihak yang diwakilinya menang. Sebelum menyelam *piring* mesti diadakan dan dalam jampi mantera dewi-dewi itu tadi akan dipanggil. Dewi-dewi itu dipercayai akan menyebelahi orang yang benar dan memarahi orang yang salah. Orang Iban percaya bahawa penyelam untuk orang yang berada di pihak yang benar akan tahan lebih lama ketika menyelam sementara yang bersalah tidak tahan lama dan kadang-kadang lemas.

*Kumang* atau bini *Keling*, *Lulong*, *Indai Abang*, *Mendung*, *Singgar*, *Gitir*, *Puyu*, dan *Entelanjing* adalah dewi-dewi yang dapat menolong kaum wanita menganyam dan menenun. Untuk membuat motif-motif tenunan dan anyaman yang cantik bukannya mudah. Oleh itu, orang Iban kuno percaya bahawa bantuan dewi-dewi diperlukan dan tanpa bantuan dewi-dewi tersebut, orang yang menenun dan menganyam boleh jatuh sakit, gila atau mati.

*Kok Liir* ialah semangat hantu perempuan yang dipercayai berasal daripada roh perempuan yang mati bersalin. *Kok Liir* boleh menjelma dalam bentuk binatang atau burung dan suka makan orang lelaki daripada orang perempuan.

#### f. Kepercayaan Mengenai Roh

Orang Iban kuno percaya bahawa semasa manusia hidup, roh mereka boleh keluar dari tubuh dan merayau-rayau. Roh itu dapat masuk ke dalam tubuh haiwan seperti burung, binatang dan lain-lain lagi. Sekiranya mana-mana haiwan yang dimasuki roh itu mati, maka orang yang mempunyai roh berkenaan juga turut sama mati. Setelah manusia mati, roh si mati itu pergi ke alam mati atau *Menua Sebayan*. Jalan untuk roh pergi ke alam mati adalah berbeza-beza, mengikut cara orang itu mati. Kalau orang itu mati cara biasa, rohnya akan pergi ke tempat roh orang mati biasa. Kalau roh orang mati kerana berperang, rohnya akan pergi ke tempat roh yang tidak berhenti berperang melawan *Seriginti*. Di situ selalu terdengar bunyi orang mengasah senjata perang dan di situ juga roh-roh selalu bersiap sedia untuk berperang.

Mereka yang mati semasa cuaca baik, roh berkenaan akan pergi ke alam mati melalui jalan *Kelampai*, tetapi roh orang yang mati semasa cuaca buruk atau musim hujan, roh itu akan pergi melalui jalan *Kepayang Banggar*. *Banggar* bererti buruk dan berbau busuk. *Kepayang Banggar* ialah tempat yang mengalami hujan berterusan.

Tatkala roh meninggalkan jasad, ia akan pergi melalui rumah semangat bernama *Bubut*, kemudian sampai di *Titi Rawan*. *Titi Rawan* ialah sebuah

titi yang sangat berbahaya dan boleh menyebabkan orang terjatuh. Kalau roh tidak dapat melalui titi ini, dia akan terjatuh dan roh itu boleh balik ke badan atau mayatnya. Orang yang mati itu boleh hidup semula.

Dari *Titi Rawan*, roh berjalan sampai di *Mandai Rinyai*, *Mandai Awai*, *Mandai Ini*, *Mandai Mati* dan akhirnya ke *Menua Sebayan*. Apabila sampai di *Menua Sebayan*, roh itu akan berasa sejuk. Sebab itulah orang Iban membakar api kayu atau *tungkun api* tiga malam berturut-turut supaya roh si mati dapat memanaskan badannya.

Mengikut kepercayaan orang Iban kuno juga, tempat untuk roh-roh orang mati telah disediakan di *Menua Sebayan*. Walaupun begitu, ada kalanya orang yang hidup menyediakan rumah dan alat keperluan lain untuk roh-roh orang mati seperti yang dilakukan dalam ritual *Nganyam* dan *Gawai Antu*.

Di *Menua Sebayan*, roh-roh orang mati boleh mati, sampai tujuh kali. Selepas tujuh kali mati roh itu akan bertukar menjadi embun dan naik ke atas permukaan langit. Pada waktu malam embun-embun tersebut akan jatuh ke atas padi di huma dan akan masuk ke dalam padi tersebut. Sekiranya embun itu berasal daripada roh yang baik, maka orang yang makan padi itu nanti juga menjadi baik. Kalau embun itu berasal daripada roh orang yang jahat, maka orang yang termakan padi berkenaan menjadi jahat. Baik yang dimaksudkan di sini ialah bernasib baik seperti mudah mendapat rezeki, berani, kuat, sihat, terkenal, pandai, dan seumpamanya. Jahat pula bererti tidak bernasib baik, padi selalu tidak menjadi, selalu sakit, dan lemah semangat.

Dipercayai roh orang yang sudah mati terus berjalan meninggalkan badannya. Roh si mati mesti dibimbing supaya tidak sesat di perantauan jalan sehingga sampai ke alam mati. Oleh sebab itulah terdapat seorang

wanita yang pakar dalam ilmu membimbing roh-roh orang mati yang dikenali sebagai *tukang sabak* atau *lemambang*. *Sabak* ialah tangisan dan *nyabak* bererti menangis. Tugas *lemambang* ialah meratap atau menyanyikan lagu ritual khas untuk menolong dan menghantar roh si mati ke tempat *Sebayan*. Dengan itu, roh si mati dapat pergi ke alam mati dengan selamat dan tidak sesat.

Asmah Haji Omar (1981: 3) menyatakan ramai orang Iban sekarang beragama Kristian, tetapi ada juga yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisi mereka. Menurut beliau, dalam kepercayaan tradisi orang Iban, mereka percaya dan menyembah dewa-dewi. Kepercayaan orang Iban mengenai tuhan mempunyai kaitan dengan pengaruh Jawa dan Hindu. Ada berbagai-bagai dewa atau dewi dan setiap satu mempunyai peranan tertentu. Misalnya, *Sengalang Burung* ialah dewa yang membantu dalam peperangan, *Simpulang Gana* ialah dewa yang menjaga bumi, dan *Kumang* pula dewi yang dapat membantu seorang wira Iban supaya berjaya dalam peperangan.

Selain dewa-dewi, orang Iban juga percaya adanya semangat atau penunggu yang mereka sebut sebagai *antu*. Kepercayaan tersebut menyebabkan orang Iban mengadakan banyak upacara dan juga *miring* yang bertujuan untuk berharmonis dengan dewa-dewi dan semangat tadi. Upacara atau *miring* ini diadakan supaya semangat atau penunggu tadi tidak mengganggu kehidupan mereka, sebaliknya menolong mereka. Mereka percaya, kalau semangat atau penunggu atau hantu diberi makan dengan baik, mereka tidak akan marah. Kalau hantu-hantu marah, mereka akan menyebabkan manusia sakit ataupun mati. Hantu yang paling ditakuti oleh orang Iban ialah *Antu Gerasi Papa*, iaitu hantu gergasi yang sentiasa lapar dan suka merayau-rayau dan memburu manusia.

## 2.4 Ekonomi Masyarakat Iban

Sejak zaman tradisi, masyarakat Iban pandai bertanam padi. Kebanyakan mereka menanam padi bukit. Sistem pertanian yang diamalkan ialah pertanian pindah. Freeman (1992: 160) menjelaskan bahawa setiap keluarga atau bilik di rumah panjang mempunyai ladang padi bukit yang luas. Selain menanam padi, orang Iban juga menanam sayur-sayuran di sawah padi berkenaan seperti sawi, labu, kundur dan jagung.

Orang Iban pada zaman dahulu biasanya menanam padi bukit mengikut sistem pertanian pindah. Sistem bertani ini juga bergantung kepada ilmu bintang mereka. Misalnya, sebelum memulakan kerja menanam padi bukit, mereka terlebih dahulu melihat bintang. Kalau bintang berkenaan betul pada tempatnya, ini menunjukkan masa yang sesuai untuk menyemai benih. Ada beberapa nama bintang yang dipakai orang Iban merujuk kepada pertanian, iaitu bintang banyak, bintang tiga, bintang *rampak melanau*, bintang timur, bintang tunggal, bintang *manok* dan bintang kemarau. Antara peranan bintang dalam pertanian orang Iban ialah mereka biasanya merujuk kepada kedudukan bintang tiga di langit pada waktu senja atau subuh. Sekiranya kedudukan bintang itu "betul" maka mereka akan memulakan kerja menugal benih padi huma itu. Makna "betul" ialah orang yang melihat bintang tersebut boleh melihatnya dengan selesa iaitu tidak terlalu mendongakkan kepalanya.

Selain menanam padi bukit, orang lelaki Iban suka merantau atau *bejalai*. Mengikut Freeman (1992: 222) pemuda Iban suka merantau jauh dan melihat laut serta pelabuhan yang besar. Selain itu, mereka

juga mencari wang untuk mengumpul harta. Mereka akan membeli gong, *tajau*, senapang, bedil, meriam, alat tembaga seperti periuk, talam dan lain-lain. Barang-barang tersebut akan dibawa pulang ke rumah panjang. Barang-barang ini sangat penting kerana ia menjadi simbol status keluarga berkenaan.

Orang muda yang balik merantau dan membawa barang-barang tersebut akan disanjung tinggi. Orang yang balik merantau tanpa membawa apa-apa akan dipandang rendah dan diejek. Dalam perantauan tersebut, ada antara perantau yang bekerja dengan syarikat kayu balak dan ladang tembakau di Utara Borneo atau syarikat minyak di Brunei. Kedit (1975: 3) menjelaskan *bejalai* bertujuan bagi mengumpul hasil hutan seperti getah jelutung, rotan atau memburu binatang seperti cemarau. Semua hasil ini akan dijual untuk mendapatkan wang.

Selain perkara di atas, orang Iban juga menanam pokok getah. Mengikut Freeman (1992: 267-268), pada tahun 1907, sebanyak 200 pokok getah telah ditanam di daerah Kapit. Pada tahun 1950, beberapa keluarga di Rumah Nyala, dan Sungai Sut, Baleh mempunyai kebun getah.

Pada masa sekarang banyak perubahan telah berlaku, khususnya sejak terdapatnya dasar Kerajaan Malaysia mengenai ekonomi luar bandar. Sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1971, orang Iban banyak mendapat bantuan daripada kerajaan. Bantuan tersebut berbentuk subsidi yang berkaitan dengan kebun lada, kebun koko, kebun kelapa dan lain-lain.

## 2.5 Pendidikan Masyarakat Iban

Sejak agama Kristian tersebar dalam kalangan masyarakat Iban, orang Iban mula mendapat pendidikan sekular Barat. Howell (1993: 41) ada menyatakan terdapat sebuah sekolah di Betong, Saribas. Sekolah itu tidak jauh dari bandar Betong. Menurut beliau lagi, sekolah itu dibina oleh *Rev. Wilfred Linton*. Selain orang Iban, orang Cina dan Melayu juga dibenarkan bersekolah di sekolah itu.

Pada masa sekarang, ramai antara generasi baru masyarakat Iban yang berpendidikan dan terdapat juga yang telah belajar sampai ke peringkat universiti. Maka dengan memiliki pendidikan yang begitu, mereka seperti juga bangsa lain di Sarawak, ada yang bekerja dengan kerajaan, swasta, menjadi usahawan dan petani yang maju.

## 2.6 Teknologi Masyarakat Iban Tradisional

Selain orang Cina, kaum bumiputera juga mencipta teknologi besi, misalnya menghasilkan parang. Maka dengan penciptaan teknologi besi seperti itu, orang Iban boleh menganyam tikar dan menenun kain.

Dalam pembuatan tikar bemban, masyarakat Iban menggunakan teknologi yang sangat mudah. Alat-alat yang digunakan adalah seperti pisau kecil yang dinamakan *lungga peraut*, *sulat* besi, *sulat* tulang dan tin *pematak*. Semua alat ini dicipta khas untuk pembuatan tikar, termasuk tikar bemban. Untuk membuat *sulat* tulang, orang Iban memilih tulang daripada lembu, rusa atau kijang. Seni tikar bemban dibuat kerana dorongan seni bina, iaitu struktur rumah panjang masyarakat Iban, terutamanya rumah panjang tradisi.

Rumah panjang Iban, terutamanya pada zaman silam dibina daripada kayu, buluh, akar dan lain-lain hasil hutan. Lantai rumah panjang biasanya diperbuat daripada buluh yang sudah dibelah. Kalau orang duduk di lantai buluh tanpa alas duduk tentulah tidak selesa. Oleh sebab itulah, orang Iban berusaha membuat alas duduk seperti tikar. Selain itu, lantai rumah panjang pada zaman dahulu yang diperbuat daripada kepingan bilah buluh itu jarang-jarang dan tidak dapat dirapatkan seperti lantai papan. Kalau ada orang di bawah rumah dan mendongak ke atas, dia mungkin akan terlihat orang yang berada di rumah berkenaan. Perkara ini tidak begitu sopan.

Selain perkara di atas, orang Iban juga membuat pokok gerah. Mengikut tradisi, pokok gerah telah ditanam di dalam rumah. Pokok gerah ini digunakan untuk menghalau roh jahat. Selain itu, pokok gerah juga digunakan untuk menghalau roh jahat yang masuk ke dalam rumah. Selain itu, pokok gerah juga digunakan untuk menghalau roh jahat yang masuk ke dalam rumah. Selain itu, pokok gerah juga digunakan untuk menghalau roh jahat yang masuk ke dalam rumah.

### BAB 3

## Konsep Seni Dalam Budaya Masyarakat Iban dan Jenis-Jenis Tikar Bemban

Manusia mencipta sesuatu hasil seni kerana dorongan tertentu seperti keperluan hidup atau mencipta alat-alat yang dapat memberi kesenangan dan kepuasan untuk diri mereka. Sejak zaman-berzaman, bagi meneruskan kelangsungan hidup, manusia memerlukan beberapa keperluan asas seperti makan, minum, pakaian dan tempat perlindungan. Kemudian apabila mereka bertambah maju, keperluan itu turut bertambah bagi menampung cara hidup yang baru. Keperluan itu timbul khususnya apabila mereka gagal atau tidak mampu memberi jawapan kepada beberapa misteri alam. Ekoran daripada itu timbullah sistem kepercayaan, iaitu mempercayai kuasa ghaib yang dipercayai menjadi penyebab sesuatu kejadian di luar kemampuan mereka untuk menjawabnya.

Dalam usaha untuk mengisi keperluan itu, dan sebagai jawapan mereka dalam mengatasi rintangan daripada alam persekitaran, manusia mencipta pelbagai peralatan. Antaranya ialah periuk, belanga, tembikar untuk memasak dan kulit-kulit kayu untuk dijadikan pakaian. Sebelum itu, pondok dan rumah dibina sebagai tempat perlindungan daripada ancaman binatang buas serta perlindungan daripada hujan dan panas.

Alam persekitaran mendedahkan mereka dengan pelbagai penyakit. Untuk menjawab perasaan ingin tahu mereka tentang kejadian dan kewujudan sesuatu penyakit atau malapetaka, mereka cuba mengaitkannya dengan kuasa ghaib. Hal ini telah menyebabkan muncullah sistem kepercayaan yang menuntut upacara penyembuhan bercorak ritual. Upacara penyembuhan ini memerlukan beberapa peralatan yang dicipta khusus untuk tujuan tersebut.

Hampir semua alat keperluan hidup orang Iban ada kaitannya dengan kepercayaan tradisi mereka, misalnya seni logam, seni bina, seni anyaman dan lain-lain. Dalam seni logam, misalnya sebilah parang akan dihadiahkan kepada lemambang sebagai "kering semangat" untuk beliau menjadi kuat semangat supaya tidak dapat diganggu oleh semangat jahat. Begitu juga dalam pembinaan rumah panjang, orang Iban tradisional diharuskan mengorbankan babi untuk membersihkan kawasan tersebut supaya penghuni rumah panjang itu nanti boleh hidup aman dan tidak diganggu oleh semangat jahat atau penyakit. Seterusnya penghuni rumah itu nanti boleh hidup dengan sihat sejahtera dan mudah rezeki. Begitu juga dalam seni anyaman, orang Iban tradisional mempunyai pantang-larang tertentu yang harus dipatuhi supaya orang yang menganyam itu tidak diganggu oleh semangat jahat yang terdapat pada motif anyaman berkenaan.

### 3.1 Konsep Seni Rupa

Seni rupa ialah hasil seni ciptaan manusia. Seni bermaksud kaedah atau teknik yang digunakan dalam menghasilkan sesuatu barangan. Manakala rupa pula bermaksud bentuk atau struktur fizikal sesuatu barangan yang dihasilkan. Oleh itu, seni rupa ialah setiap hasil ciptaan sesuatu masyarakat atau hasil yang mencerminkan pemikiran, kebudayaan dan kehidupan masyarakat tersebut. Terdapat perbagai jenis seni rupa tradisional seperti seni tenunan, seni ukiran, seni tatu dan seni anyaman. Selain itu, negeri Sarawak juga sangat kaya dengan hasil tumbuh-tumbuhan sehingga mendorong kepada ciptaan seni anyaman. Motif-motif yang dianyam juga sangat dipengaruhi oleh alam sekitar seperti pengaruh tumbuh-tumbuhan.

### 3.2 Konsep Seni Anyaman

Seni anyaman ialah hasil yang dicipta dengan cara menganyam. Menganyam merupakan proses menjalin jaluran daun, lidi, rotan, akar, buluh, dan beberapa jenis tumbuhan yang lain. Beberapa jenis reka bentuk kraftangan telah dihasilkan melalui anyaman untuk mencipta sesuatu alat keperluan harian. Para petani dan nelayan misalnya, menghasilkan topi, tudung saji dan bakul anyaman untuk mengisi dan menyimpan ikan serta hasil pertanian mereka. Mereka juga menganyam tikar sebagai alas tempat duduk dan bagi kegunaan lain.

Seni anyaman ialah suatu bentuk kraf tangan yang menggunakan bahan tumbuh-tumbuhan. Menganyam ialah satu proses menyaringkan beberapa jenis daun atau tumbuhan dengan cara menyusun dan